

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

## Kongres mampu kembangkan ekonomi Bumiputera

### Kongres mampu kembangkan ekonomi Bumiputera

**Kuala Lumpur:** Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) yang bermula hari ini berupaya mengembangkan agenda ekonomi Bumiputera berdasarkan pergetahuan (k-ekonomi), demi kemakmuran bersama tanpa mengambil hak kaum lain.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata bagi merealisasikan hasrat itu, konsep 3P diperkenalkan iaitu penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera yang akhirnya memberi impak kepada agenda ekonomi mereka.

Katanya, pendekatan 3P itu adalah paradigma baharu dalam

menyusun strategi MARA bagi memastikan sasaran meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dapat dicapai dengan fokus ditumpu kepada pelaksanaan semua resolusi KEB 2024.

"Kita mahu apabila 3P diaplikasikan dalam agenda ekonomi Bumiputera, secara tidak langsung kita akan membincangkan berkenaan teknologi dan sektor baharu, penyertaan aktif Bumiputera dalam industri baharu dan ini akan memberi manfaat kepada semua kaum termasuk bukan Bumiputera.

"KEB 2024 diadakan dengan matlamat membesaraskan kek ekonomi golongan Bumiputera, bu-

tan untuk bersaing dengan bangsa lain atau mengambil hak mereka, sebaliknya kita mahu kemakmuran negara dikongsikan untuk kemajuan bersama.

"Ini akan jadi lebih bermakna berbanding kita hanya beretorik dengan 30 peratus ekuiti Bumiputera yang mana hakikatnya langsung tidak menggambarkan keadaan realiti ekonomi kita sebenarnya," katanya kepada *BH*, semalam.

KEB 2024 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bertujuan memperluas agihan ekonomi dan mengembangkan lagi ekonomi Bu-

miputera selaras dengan kerangka ekonomi MADANI.

Asyraf Wajdi berkata, KEB 2024 turut membuka ruang untuk menteri bukan Bumiputera hadir dan mendengar isu dibentangkan.

"Kementerian yang diterajui menteri terbitan juga mempunyai kaitan langsung dalam usaha meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera di negara ini."

"KEB 2024 ini bukan eksklusif kepada kaum Bumiputera sahaja kerana ia juga membabitkan kelebihan yang diterajui menteri bukan Bumiputera supaya mereka juga dapat memberi pan-

dangan bagaimana cara untuk mengembangkan k-ekonomi untuk manfaat semua.

"Kali ini kita ambil semangat daripada KEB pertama pada 1965 yang turut membabitkan penyertaan menteri berbangsa India dan Cina untuk bersama-sama membantu memajukan agenda ekonomi Bumiputera yang akhirnya menjadi agenda nasional."

"Ini tidak bermaksud apabila kita membicarakan soal Bumiputera dalam KEB ini, kita nak ambil hak bukan Bumiputera atau ancaman kepada mana-mana pihak, sebaliknya ia untuk kemakmuran bersama," kata-